



6 Oktober 2017
6 October 2017
P.U. (A) 304

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (PERKIRAAN SUKARELA) 2017

INSOLVENCY (VOLUNTARY ARRANGEMENT) RULES 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSOLVENSİ 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSİ (PERKIRAAN SUKARELA) 2017

PADA menjalankan menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2C, 2F, 2G, 2I, 2Q, dan 123 Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Perkiraan Sukarela) 2017**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017.

Tajuk prosiding

2. Tiap-tiap prosiding dalam mahkamah di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dengan penambahan yang perlu dinamakan sebagaimana dalam Borang 1.

Permohonan bagi penama berdaftar

3. Suatu permohonan bagi penama berdaftar hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Insolvensi dalam Borang 2 disertai dengan fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan permohonan

4. (1) Ketua Pengarah Insolvensi bolehlah meluluskan permohonan secara bertulis dan menyatakan tempoh kesahan pendaftaran itu.

(2) Jika Ketua Pengarah Insolvensi menolak permohonan itu, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah memberitahu pemohon tentang keputusannya melalui suatu notis secara bertulis.

Kuasa penama

5. (1) Penama hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat semua perkara yang perlu atau suai manfaat untuk atau yang berhubungan dengan pelaksanaan kewajipannya.

(2) Apa-apa perkiraan sukarela yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah secara nyata memperuntukkan fungsi, kuasa dan kewajipan tertentu untuk diberikan kepada penama dalam menyelia dan mentadbir pelaksanaannya.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subkaedah (1) dan (2), kuasa penama hendaklah termasuklah kuasa—

- (a) untuk menguruskan suatu mesyuarat pemiutang bagi maksud untuk meluluskan cadangan penghutang;
- (b) untuk mengkehendaki apa-apa maklumat daripada penghutang dan pemiutangnya berkenaan dengan hal ehwal penghutang yang perlu bagi pembentangan cadangan penghutang bagi perkiraan sukarela;
- (c) untuk mengeluarkan borang proksi bagi digunakan semasa mesyuarat pemiutang;
- (d) untuk menerima atau menolak bukti hutang secara keseluruhan atau sebahagiannya;
- (e) untuk melakukan semua perkara termasuk menjalankan kerja yang diperlukan bagi pelaksanaan dan penyeliaan perkiraan sukarela; dan
- (f) apa-apa kuasa lain yang diberikan melalui terma perkiraan sukarela yang dipersetujui antara penghutang dan pemiutang.

Kewajipan penama

6. Kewajipan penama adalah—

- (a) untuk melaporkan kepada penghutang dan pemiutangnya tentang kemajuan perkiraan sukarela; dan
- (b) untuk memaklumkan Ketua Pengarah Insolvensi tentang kehilangan kelayakannya untuk bertindak sebagai penama sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta.

Permohonan perintah interim

7. (1) Suatu permohonan kepada mahkamah bagi suatu perintah interim di bawah perenggan 2C(2)(b) Akta hendaklah dibuat melalui saman dalam kamar dalam Borang 4 dan disokong oleh affidavit dalam Borang 5.

(2) Suatu salinan Borang 3, senarai pemiutang penghutang dan anggaran jumlah yang terhutang hendaklah diekshibitkan dalam affidavit.

(3) Jika penghutang ialah suatu firma—

- (a) affidavit yang menyokong permohonan bagi suatu perintah interim boleh dibuat oleh salah seorang daripada rakan kongsi firma itu; dan
- (b) suatu salinan persetujuan secara bertulis daripada semua atau majoriti daripada rakan kongsi bagi memasuki perkiraan sukarela, hendaklah diekshibitkan dalam affidavit.

(4) Mahkamah hendaklah menetapkan suatu tarikh bagi pendengaran permohonan dan suatu salinan permohonan itu hendaklah dikemukakan oleh penghutang kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan penama dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaan permohonan itu.

Perintah interim

8. Tertakluk kepada subseksyen 2D(2) Akta, mahkamah hendaklah membuat perintah interim dalam Borang 6.

Pernyataan hal ehwal

9. Penghutang hendaklah mengemukakan suatu pernyataan hal ehwal dalam Borang 7 kepada penama dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh perintah interim diberikan oleh mahkamah.

Bukti hutang

10. (1) Setiap pemiutang hendaklah mengemukakan bukti hutang dalam Borang 8 kepada penama dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah subseksyen 2D(5) Akta.

(2) Tuntutan yang bersifat ganti rugi jumlah tidak tertentu yang berbangkit selain oleh sebab sesuatu kontrak, janji atau pecah amanah tidak boleh dibuktikan dalam perkiraan sukarela.

Penyediaan cadangan

11. Penama hendaklah menyediakan cadangan penghutang dalam Borang 9 dalam tempoh dua puluh satu hari selepas penerimaan pernyataan hal ehwal.

Memanggil mesyuarat pemiutang

12. (1) Penama, selepas menyediakan cadangan penghutang di bawah kaedah 11, hendaklah memanggil mesyuarat pemiutang dalam tempoh empat belas hari.

(2) Notis mesyuarat pemiutang di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam Borang 10 dan dihantar kepada semua pemiutang yang dinyatakan dalam pernyataan hal ehwal penghutang.

(3) Tiap-tiap notis memanggil mesyuarat di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan—

- (a) proksi sebagaimana dalam Borang 11;
- (b) suatu salinan cadangan penghutang; dan
- (c) suatu salinan pernyataan hal ehwal atau jika penama fikirkan sesuai, satu ringkasan pernyataan hal ehwal yang hendaklah termasuklah satu senarai pemiutang dan amaun hutang.

Proksi

13. Pemiutang boleh memberikan proksi kepada pengurusnya, kerani atau mana-mana orang yang bekerja secara tetap dengannya untuk menghadiri mesyuarat pemiutang.

Pengerusi

14. Penama hendaklah menjadi pengerusi mesyuarat pemiutang.

Kelayakan mengundi

15. Setiap pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang mengikut kaedah 10 hendaklah layak untuk mengundi secara sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat pemiutang atau mana-mana penangguhan mesyuarat itu.

Penangguhan

16. (1) Pengerusi mesyuarat pemiutang boleh menangguhkan mesyuarat untuk memberikan masa yang secukupnya kepada pemiutang untuk mempertimbangkan cadangan penghutang.

(2) Penangguhan itu tidak boleh melebihi empat belas hari daripada tarikh mesyuarat yang pertama.

Minit mesyuarat

17. Pengerusi hendaklah menyebabkan minit prosiding dalam mesyuarat pemiutang direkodkan dan minit hendaklah ditandatangani olehnya.

Laporan penama

18. (1) Jika suatu mesyuarat pemiutang telah meluluskan atau tidak meluluskan cadangan penghutang, pengerusi hendaklah menyediakan laporan dalam Borang 12 dan memfailkan suatu salinan laporan itu di mahkamah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

(2) Jika penama melaporkan kepada mahkamah bahawa mesyuarat pemiutang telah tidak meluluskan cadangan penghutang, mahkamah boleh mengenenpikan perintah interim yang masih berkuat kuasa berhubung dengan penghutang.

Penggantian penama

19. Jika penghutang berniat untuk menggantikan penama pada bila-bila masa sebelum perkiraan sukarela selesai di bawah seksyen 2M Akta, penghutang itu hendaklah memfailkan Borang 13 di mahkamah dan menyampaikan borang tersebut—

(a) kepada penama dahulu; dan

(b) kepada semua pemiutangnya.

Permohonan untuk arahan

20. Penama boleh membuat permohonan untuk arahan daripada mahkamah sebagaimana dalam Borang 14.

Fi perkiraan sukarela

21. (1) Fi dalam Jadual Kedua hendaklah dibayar kepada mahkamah.

(2) Skala fi dalam Jadual Ketiga hendaklah kena dibayar oleh penghutang kepada penama sama ada sepenuhnya atau secara berperingkat sebagaimana yang dipersetujui oleh penama dan penghutang.

Pembayaran, dsb.

22. Penama boleh menuntut mana-mana kos, caj, saraan, pembayaran dan perbelanjaan berkaitan dengan perkiraan sukarela tidak melebihi amaun dua ribu ringgit.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 3]

FI BAGI PENDAFTARAN PENAMA

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi (RM)</i>
1.	Pendaftaran penama	1,000

JADUAL KEDUA

[Subkaedah 21(1)]

FI BAGI PROSIDING BERHUBUNG DENGAN PERKIRAAN SUKARELA

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi (RM)</i>
1.	Permohonan <i>ex parte</i> bagi perintah interim di bawah perkiraan sukarela	40
2.	Perintah interim di bawah subseksyen 2D(1)	20
3.	Pemfailan laporan mesyuarat pemiutang ke mahkamah di bawah subseksyen 2J(1)	10
4.	Permohonan bagi semakan keputusan mesyuarat pemiutang di bawah subseksyen 2L(1)	20
5.	Perintah bagi semakan keputusan mesyuarat pemiutang di bawah subseksyen 2L(1)	10
6.	Pemfailan notis untuk menggantikan penama di bawah seksyen 2M	10
7.	Permohonan bagi arahan daripada mahkamah oleh penama di bawah subseksyen 2N(4)	10

JADUAL KETIGA

[Subkaedah 21(2)]

FI PERKIRAAN SUKARELA

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Amaun hutang keseluruhan/Perkara</i>	(3) <i>Fi (%)</i>
1.	Bagi RM200,000.00 yang pertama	5
2.	Bagi RM500,000.00 yang seterusnya	3
3.	Bagi RM2,000,000.00 yang seterusnya	1.5
4.	Bagi RM7,300,000.00 yang seterusnya	0.5
5.	Jumlah hutang yang melebihi RM10,000,000.00	Boleh dirunding atas lebihan tetapi tidak boleh melebihi 0.3% daripada lebihan tersebut

LAMPIRAN
SENARAI BORANG

<u>No. Borang</u>	<u>Nama borang</u>	<u>Kaedah</u>
1	Tajuk am	2
2	Permohonan pendaftaran sebagai penama	3
3	Persetujuan penama	7
4	Permohonan <i>ex parte</i> perintah interim oleh penghutang	7
5	Afidavit sokongan permohonan untuk perintah interim	7
6	Perintah interim	8
7	Pernyataan hal ehwal	9
8	Bukti hutang	10
9	Cadangan penghutang	11
10	Notis untuk memanggil mesyuarat pemiutang	12
11	Proksi	12
12	Laporan penama	18
13	Notis untuk menggantikan penama	19
14	Permohonan <i>ex parte</i> oleh penama untuk arahan mahkamah	20

BORANG 1

TAJUK AM (k. 2)

Dalam Mahkamah Tinggi di Malaya/Sabah/Sarawak di.....

Dalam Perkiraan Sukarela No.....20.....

Dalam perkara..... (Nama penghutang)(Nombor kad pengenalan)

BORANG 2**PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI PENAMA (k. 3)****A. BUTIR-BUTIR PERIBADI**

1. Nama penuh : _____
2. Jantina : _____
3. Status perkahwinan : _____
4. Tarikh lahir : _____
5. Tempat lahir : _____
6. Kewarganegaraan : _____
7. Kaum : _____
8. Nombor kad pengenalan : _____
9. Alamat terkini pejabat/kerja : _____
10. E-mel : _____
11. Nombor telefon bimbit : _____
12. Nombor telefon pejabat/kerja : _____

B. KELAYAKAN AKADEMIK

1. Nama kelayakan akademik yang tertinggi dimiliki : _____
2. Nama universiti/institusi : _____

C. KEHENDAK DI BAWAH AKTA INSOLVENSİ 1967

1. Kategori- kategori pemohon menurut seksyen 2G (1) Akta Insolvensi 1967

(Sila tanda mana yang bersesuaian)

	seorang akauntan berkanun berdaftar di bawah Akta Akauntan 1967 [Akta 94]
	seorang peguam cara dan peguam bela yang diterima masuk dan didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166]
	mana-mana orang lain yang Menteri tetapkan melalui <i>Warta</i> di bawah subperenggan 2G(1)(a)(iii) Akta Insolvensi 1967.

Sekiranya di bawah orang lain yang Menteri tetapkan, sila nyatakan kategori yang ditentukan lain-lain orang itu:

2. Tarikh kemasukan/pendaftaran/didaftari : _____
3. Tarikh luput keahlian (sekiranya ada) : _____
4. Tahun pengalaman : _____

D. AKUAN PEMOHON

1. Dengan menandatangani borang permohonan ini, saya mengaku bahawa —
 - (i) butiran-butiran yang diberikan di dalam borang ini adalah benar, tepat dan lengkap mengikut pengetahuan dan kepercayaan saya yang terbaik, dan saya akan memberikan apa-apa maklumat yang Ketua Pengarah Insolvensi minta;
 - (ii) saya bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - (iii) saya tidak menyerahkan estet saya untuk kepentingan mana-mana pemiutang saya atau tidak berada di bawah perkiraan sukarela dengan mana-mana pemiutang saya;

- (iv) saya tidak disabitkan di Malaysia atau di tempat lain atas suatu kesalahan jenayah yang menjadikan tidak layak di bawah Akta Insolvensi 1967, dan khususnya, tetapi tidak terhad kepada, suatu kesalahan melibatkan frod atau kecurangan; dan
 - (v) Saya tidak menghidapi apa-apa penyakit mental di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]
2. Saya juga menyedari kesan hukuman penal bagi pengakuan palsu berkenaan dengan di atas, saya mungkin boleh dihukum di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai di Malaysia.

Tarikh:.....

.....

Tandatangan pemohon

BORANG 3

(Tajuk am)

PERSETUJUAN PENAMA (k. 7)

Maka satu permohonan telah dibuat oleh penghutang yang bernama di atas untuk suatu perintah interim, saya.....nombor kad pengenalan.....dengan ini bersetuju dan sanggup bertindak berhubung dengan perkiraan sukarela.

Bertarikh.....hari bulan....., 20.....

.....
Tandatangan penama

BORANG 4

(Tajuk am)

PERMOHONAN *EX PARTE* PERINTAH INTERIM OLEH PENGHUTANG (k. 7)

Saya....., nombor kad pengenalan.....berhasrat untuk membuat permohonan kepada mahkamah untuk satu perintah interim menurut subseksyen 2C(2)(b) Akta Insolvency 1967.

Alasan permohonan telah dinyatakan dalam afidavit saya yang bertarikhhari bulan.....20.....

Bertarikh.....hari bulan.....20.....

.....
Tandatangan penghutang

BORANG 5

(Tajuk am)

AFIDAVIT SOKONGAN PERMOHONAN UNTUK PERINTAH INTERIM (k. 7)

Saya....., nombor kad pengenalan.....menegaskan dan menyatakan:

1. Bahawa berdasarkan pengetahuan, maklumat dan kepercayaan, saya sedar bahawa tindakan pelaksanaan atau proses undang-undang seperti berikut telah dibuat terhadap saya. Butiran pelaksanaan atau proses undang-undang dinyatakan seperti berikut:

- (a)


 (b)

 (c)

2. Bahawa saya tidak memfailkan suatu permohonan untuk perintah interim sepanjang tempoh dua belas bulan sebaik sebelum tarikh permohonan ini untuk perintah interim.

3. Bahawa Borang 3, senarai kesemua pemiutang saya dan anggaran amaun yang terhutang dengan ini dikemukakan dan ditandakan sebagai ekshibit “.....” dan “.....” dan dilampirkan bersama-sama ini.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan)
 pada.....haribulan....., 20.....
 di.....
 (Melalui terjemahan oleh)



Di hadapan saya

.....

Pesuruhjaya Sumpah

BORANG 6

(Tajuk am)

PERINTAH INTERIM (k. 8)

Atas permohonan (nama penghutang), nombor kad pengenalan....., dan dengan membaca afidavitnya bertarikh.....,

Adalah diperintahkan bahawa perintah ini hendaklah sah bagi tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pembuatannya dan terhenti berkuat kuasa pada..... atau menurut subseksyen 2K(2) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*], pada berakhirnya tiga puluh hari dari tarikh laporan keputusan mesyuarat telah dimeterai oleh mahkamah di bawah seksyen 2J Akta ini.

Dan adalah perintahkan bahawa tiada petisyen kebangkrapan boleh dibuat atau diteruskan terhadap penghutang dan tiada prosiding, tindakan pelaksanaan atau proses perundangan yang boleh dimulakan atau diteruskan terhadap penghutang tanpa kebenaran terlebih dahulu mahkamah.

Bertarikh.....hari bulan.....20.....

(Meterai mahkamah)

.....
Pendaftar

BORANG 7

(Tajuk am)

PERNYATAAN HAL EHWAL (k. 9)

Anda dikehendaki untuk mengisi dengan berhati-hati dan tepat, borang ini yang menunjukkan keadaan hal ehwal pada hari Perintah Interim telah dibuat terhadap anda pada hari bulan20..... Borang ini apabila diisi akan menjadi pernyataan hal ehwal yang apabila dilengkapkan hendaklah ditentukan pada hari diperakukan.

BAHAGIAN A: ASET**1. Tanah/Rumah**

Butiran	Tanah/rumah 1	Tanah/rumah 2
Alamat penuh		
Bercagar/tidak bercagar		
Nama Pemilik Bersama (jika ada)		
Nama penghuni dan hubungan (jika tanah/rumah diduduki individu lain)		

**Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

2. Kenderaan (Tidak tertakluk kepada perjanjian sewa beli)

Butiran	Nombor Pendaftaran	Jenis	Diguna oleh individu lain (ya/tidak)	Jika ya, nama pengguna dan alamat
Kenderaan 1				
Kenderaan 2				

**Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

3. Lain-lain pemilikan aset

Tanda ✓	Butiran	Anggaran (RM)
	Wang tunai di tangan	
	Baki dibank	
	Mesin, lekapan, kelengkapan, perkakas, dsb.	
	Stok ladang dan tanaman	
	Perabot Isi rumah	
	Harta Intelek (Paten, hak cipta, rekaan perindustrian)	
	Barang kemas/barangan antik	
	Lain-lain. Sila nyatakan:	

****Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan***

4. Stok niaga

Butir-butir penuh mengenai tiap-tiap perihal harta yang dimiliki dan dalam pengembalian adalah tidak termasuk dalam mana-mana senarai lain hendaklah dinyatakan dalam senarai ini.

Pernyataan penuh dan sifat harta benda	Kos anggaran (RM)		Anggaran dihasilkan (RM)	
Saham dagangan di Malaysia				
Saham dagangan di tempat lain				
Stok dalam perdagangan barangan dalam perjalanan dari atau ke Malaysia, notis ketibaannya telah diterima				

****Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan***

5. Bil pertukaran

No.	Nama penerima bil atau nota	Alamat, dsb	Amaun bil atau nota	Tarikh apabila perlu	Anggaran dihasilkan	Butir-butir tentang apa-apa harta yang dipegang sebagai jaminan untuk pembayaran bil atau nota

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

6. Syer

No.	Nama syarikat	Amaun pegangan	Nilai semasa saham

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran yang berasingan*

7. Pelaburan

No.	Nama pelaburan	Nama institusi pelaburan	Diperoleh secara tunai atau pinjaman	Nombor akaun atau polisi

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

8. Polisi Insurans

No.	Jenis insuran (Contohnya nyawa, kesihatan dan lain-lain)	Nama syarikat insuran	Anggaran simpanan (RM)	Bayaran sebulan (RM)

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

9. Buku Hutang

(Suatu amaun hutang yang didebitkan kepada suatu akaun di dalam suatu lejar/ suatu hutang yang terhutang kepada seseorang pekedai sebagaimana yang direkodkan di dalam buku akaunnya)

No.	Nama Penghutang	Tempat tinggal dan Pekerjaan	Amaun hutang			Folio lejer atau butiran buku yang dijumpai	Bila berkontrak		Anggaran dihasilkan	Butiran sekuriti yang dipegang untuk hutang
			Baik	Ragu	Teruk		Bulan	Tahun		

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

BAHAGIAN B: HUTANG

1. Hutang bercagar (keseluruhan atau sebahagian)

Hutang bercagar adalah suatu pinjaman yang suatu harta (contohnya rumah, tanah, dsb.) dicagarkan secara keseluruhan atau sebahagiannya (contohnya rumah, tanah, dsb.) bagi pinjaman itu. Kegagalan untuk membayar hutang itu, harta itu akan dilelong oleh bank.

No.	Nama pemiutang	Alamat pemiutang	Pekerjaan pemiutang (sekiranya individu)	Harta yang dicagarkan	Jumlah hutang (RM)	Tarikh bila diberikan

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

2. Hutang tidak bercagar

Hutang tidak bercagar adalah pinjaman yang diberikan tanpa cagaran.

No.	Nama pemiutang	Alamat pemiutang	Pekerjaan pemiutang (sekiranya individu)	Jumlah hutang (RM)	Tarikh bila diberikan

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

3. Pemiutang keutamaan untuk sewa, kadar, cukai dan upah

Pemiutang keutamaan adalah pemiutang yang akan mempunyai keutamaan dalam pengagihan dividen ke atas pemiutang lain (termasuk cukai pendapatan yang perlu dibayar, cukai hartanah, tunggakan gaji pekerja dan sumbangan KWSP yang perlu dibayar).

No	Nama pemiutang	Alamat pemiutang	Pekerjaan pemiutang (sekiranya individu)	Jenis tuntutan	Tempoh semasa tuntutan terakru	Perbezaan kedudukan untuk bayaran dividen	Amaun keseluruhan yang kena dibayar (RM)	Amaun tuntutan (RM)	Tarikh kena bayar

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

BAHAGIAN C: LIABILITI**1. Liabiliti**

Apa-apa bayaran yang perlu dibayar disebabkan oleh apa-apa obligasi.

No.	Nama pemiutang dan penuntut	Alamat dan Pekerjaan	Amaun liabiliti atau tuntutan	Tarikh semasa liabiliti berlaku	Jenis liabiliti

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

2. Liabiliti di bawah Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212]

No.	Nama pemiutang dan penuntut	Alamat dan pekerjaan	Amaun liabiliti atau tuntutan	Tarikh bila liabiliti berlaku	Jenis liabiliti

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

3. Liabiliti penghutang pada bil selain penerimaanya (bagi penghutang yang menjalankan perniagaan)

No.	Nama pemiutang dan penuntut	Alamat dan pekerjaan	Sama ada bertanggung sebagai penyuruh bayar atau pengesah	Tarikh kena bayar	Amaun	Tarikh bila liabiliti berlaku

** Jika lebih, sila lampirkan lembaran berasingan*

BAHAGIAN D: AKAUN SUSUTAN (bagi penghutang yang menjalankan perniagaan)


	RM
Lebihan aset atas tanggungan daripada (a)..... hari bulan 20..... jika ada.	
Keuntungan bersih daripada menjalankan perniagaan dari (a)..... hari bulan 20....., hingga tarikh perintah interim selepas ditolak perbelanjaan-perbelanjaan biasa (jika ada).	
Pendapatan daripada punca-punca lain semenjak (a)..... hari bulan20.....	
Susutan seperti pernyataan hal ehwal:	
	(b)
Lebihnya aset daripada tanggungan daripada (a)..... hari bulan 20..... jika ada.	
Kerugian bersih daripada menjalankan perniagaan dari (a)..... hari bulan 20....., hingga tarikh perintah interim, selepas ditolak perbelanjaan-perbelanjaan biasa (jika ada) bagi perniagaan daripada keuntungan (jika ada).	
Hutang lapuk (jika ada) seperti dalam jadual (c).	
Perbelanjaan dilakukan semenjak (a) hari bulan 20, Selain perbelanjaan biasa bagi perniagaan, iaitu, perbelanjaan rumah tangga bagi diri dan (d)..... (e)	
Lebihan seperti pernyataan hal ehwal (jika ada):	
	(b)

-
- (a) 12 bulan sebelum tarikh perintah interim atau sebelum masa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh penama.
 - (b) Angka-angka ini sepatutnya serupa.
 - (c) Jadual in mesti menunjukkan bila hutang telah dilakukan.
 - (d) Tambah isteri dan anak-anak dengan menyatakan bilangan anak-anak (jika ada)
 - (e) Di sini tambah apa-apa perbelanjaan atau kerugian lain.

PENGAKUAN

Saya _____ nombor kad pengenalan _____ mengaku dan mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam pernyataan ini adalah kenyataan lengkap, jujur dan benar mengenai hal ehwal saya.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan)
 pada.....haribulan....., 20.....
 di.....



Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

BORANG 8

(Tajuk am)

BUKTI HUTANG (k. 10)

(a)

Saya (b)berumur.....tinggal di..... mengikrarkan dan menyatakan:

(c) Bahawa saya adalah dalam perkhidmatan pemiutang yang tersebut di bawah ini, dan bahawa saya adalah diberi kuasa oleh untuk membuat afidavit ini, dan bahawa adalah dalam pengetahuan saya sendiri bahawa hutang yang dinyatakan dengan sumpah di bawah ini telah dilakukan, dan bagi balasan yang dinyatakan itu, dan bahawa hutang itu, sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, masih belum lagi dibayar dan dijelaskan.

(d) Bahawa saya adalah diberi kuasa, di bawah meterai syarikat yang tersebut di bawah ini, untuk membuat bukti hutang bagi pihaknya.

1. Bahawa..... yang tersebut telah, pada tarikh perintah interim, mengikut pada..... hari bulan....., 20....., dan adalah masih lagi dengan adil dan benar terutang kepada (e)..... sebanyak..... bagi (f)..... sebagaimana yang ditunjukkan oleh akaun yang dicatatkan dalam ini, atau oleh akaun yang berikut:


bagi jumlah wang itu atau apa-apa bahagian daripadanya saya menyatakan bahawa saya tidak ada (g).....atau mana-mana orang dengan (h)..... pada pengetahuan dan kepercayaan saya bagi kegunaan (h)..... tidak ada mendapat atau menerima apa-apa jua cara penyelesaian atau cagaran, kecuali dan melainkan yang berikut (i).....

Tarikh	Penyuruh bayar	Penerima	Amaun		Tarikh luput

Bagi pemiutang bercagar, sila nyatakan butiran cagaran kamu, tarikh diberikan dan nilai yang kamu telah taksir,

--

Diangkat sumpah (atau diikrarkan)
pada..... hari bulan..... 20.....
di.....



.....
(g) Tandatangan deponen

Di hadapan saya

.....

Pesuruhjaya Sumpah

Bukti itu tidak boleh diperaku bagi mengundi dalam mesyuarat pemiutang melainkan jika ia telah disempurnakan dengan betul dan dikemukakan kepada penama sebelum masa yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat itu.

Diperaku undi sebanyak RM..... pada..... hari bulan....., 20.....

.....
Penama

KAMU HENDAKLAH MEMBERIKAN PERHATIAN DENGAN TELITI ARAHAN INI

- (a) Di sini masukkan nama dan nombor kad pengenalan penghutang, sebagaimana diberi dalam notis mesyuarat.
- (b) Masukkan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat dan pekerjaan deponen.
Jika bukti dibuat oleh pemiutang, potong fasal (c) dan (d).
Jika dibuat oleh kerani, potong (d).
Jika oleh ejen syarikat potong (c).
- (e) Masukkan *saya dan kepada C,D, dan E,F, pekongsi bersama saya dalam perniagaan* jika ada, atau, jika oleh kerani masukkan nama, alamat dan perihal prinsipal.

AMBIL PERHATIAN

- (f) Nyatakan balasan (*sila nyatakan jenis hutang*) [seperti – barang-barang yang telah dijual dan diserahkan oleh saya (dan pekongsi saya) kepadanya (atau mereka) atas permintaannya (atau mereka) di antara tarikh itu (atau wang yang didahulukan saya bagi bil pertukaran yang tersebut di bawah ini) (atau mengikut mana-mana yang berkenaan)]. Lihat di belakang.
- (g) Pekongsi saya yang tersebut atau mana-mana daripada mereka atau pemiutang yang tersebut namanya di atas (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- (h) Saya atau kami atau mereka atau dia (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- (i) Di sini nyatakan butiran segala jaminan yang dipegang dan sekiranya jaminan itu adalah atas harta penghutang, tafsir nilai harta itu, dan sekiranya apa-apa bil atau jaminan lain yang boleh diniagakan dipegang, nyatakan dalam jadual itu.

*Sila lampirkan dokumen sokongan.

BUTIRAN AKAUN YANG DIRUJUK DI MUKA SEBELAH
(*Kredit hendaklah diberikan bagi akaun kontra*)

Jika ruang tidak cukup, lampirkan butiran itu, tetapi jika butiran itu dibuat atas lembaran kertas yang berasingan, yang demikian mestilah ditandai oleh orang yang di hadapannya affidavit itu telah diangkat sumpah.

Tarikh	Balasan	Amaun	Catatan

Baucer (sekiranya ada), yang mana akaunnya boleh disahkan, hendaklah dinyatakan di sini.

BORANG 9

(Tajuk am)

CADANGAN PENGHUTANG (k. 11)

1. Nama penghutang :
2. Alamat rumah :
3. Nombor telefon penghutang dan
alamat e-mel :
4. Nama Penama :
5. Alamat Penama :
6. Nombor telefon penama & alamat
e-mel :
7. Amaun keseluruhan liabiliti mengikut
pernyataan hal ehwal RM.....
bertarikh.....
8. Amaun keseluruhan aset mengikut
pernyataan hal ehwal RM.....
bertarikh.....
9. Tempoh perkiraan sukarela yang
dicadangkan :

A. PENDAHULUAN

Saya berniat untuk mencadangkan suatu perkiraan sukarela kepada semua pemiutang saya atas sebab-sebab yang berikut:

- (1)
.....
- (2)
.....

(3)

B. SENARAI PEMIUTANG (Sekiranya lebih, sila lampirkan helaian berasingan)

No.	Nama dan alamat pemiutang	Amaun hutang
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

C. CADANGAN

Dicadangkan bahawa:

(1)

 (2)

 (3)

D. AKUAN OLEH PENGHUTANG

Saya, (nama penghutang), penghutang yang disebut di atas dengan ini mengesahkan bahawa dokumen ini menyatakan cadangan saya kepada pemiutang-pemiutang saya untuk perkiraan sukarela dan mengikut pengetahuan dan kepercayaan saya segala pernyataan di sini adalah benar.

Bertarikh.....hari bulan.....20.....

.....
 Tandatangan penghutang

(Penghutang hendaklah menandatangani ringkas pada setiap muka surat)

E. AKUAN OLEH PENAMA

Saya,.....(nama penama) mengesahkan bahawa saya telah menyediakan cadangan untuk.....(nama penghutang), penghutang yang disebut di atas menurut subseksyen 21(2) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] dan saya telah berhati-hati menerangkan kesan-kesan setiap cadangan kepada penghutang itu.

Bertarikh.....hari bulan.....20.....

.....

Tandatangan penama

BORANG 10

(Tajuk am)

NOTIS UNTUK MEMANGGIL MESYUARAT PEMIUTANG (k. 12)

Ambil perhatian bahawa suatu perintah interim telah dibuat di bawah subseksyen 2D(1) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] oleh Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah/Sarawak di.....
pada.....hari bulan.....20.....,

Ambil perhatian bahawa suatu mesyuarat pemiutang di bawah seksyen 2I Akta akan diadakan di.....pada.....hari
bulan.....20..... pukul..... pagi/petang.

Ambil perhatian bahawa menurut subseksyen 2K(1) Akta, jika mesyuarat pemiutang dipanggil di bawah seksyen 2I Akta telah meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan (dengan atau tanpa ubahsuaian), perkiraan sukarela yang diluluskan itu hendaklah mempunyai kesan seolah-olah ia dibuat oleh penghutang semasa mesyuarat dan mengikat tiap-tiap orang yang mempunyai notis dan berhak untuk mengundi di dalam mesyuarat, sama ada orang itu hadir atau tidak atau diwakili dalam mesyuarat, seolah-olah orang itu merupakan pihak kepada perkiraan tersebut.

Bertarikh.....hari bulan.....20.....

.....
Tandatangan penama

BORANG 11

(Tajuk am)

PROKSI (k. 12)

Saya..... (pemiutang), dengan ini melantik untuk
menjadi proksi saya dalam mesyuarat pemiutang i dalam perkara di atas.

Bertarikh..... hari bulan....., 20.....

.....
Tandatangan

BORANG 12

(Tajuk am)

LAPORAN PENAMA (k. 18)

Penama kepada penghutang di atas dengan ini melaporkan:

Bahawa cadangan penghutang bagi perkiraan sukarela telah dibentangkan dalam suatu mesyuarat pemiutang yang telah diadakan di.....pada.....hari bulan20....., jam..... pagi/petang.

Cadangan penghutang adalah seperti berikut:

(Nyatakan terma-terma cadangan dengan sepenuhnya)

.....

Bahawa pemiutang telah hadir atau telah diwakili dalam mesyuarat dengan nilai masing-masing seperti berikut:

No.	Nama pemiutang yang hadir sendiri atau melalui proksi (sekiranya pengerusi adalah pemegang proksi, sila nyatakan)	Amaun tuntutan (RM)

Bahawa setiap pemiutang dan nilainya masing-masing telah mengundi bagi setiap resolusi berikut:

No.	Nama pemiutang yang hadir atau diwakili	*Dipersetujui/tidak dipersetujui

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

*Bahawa cadangan penghutang telah *dipersetujui/tidak dipersetujui.

*Bahawa cadangan penghutang telah dipersetujui dengan ubahsuaian seperti berikut:

(Nyatakan pengubahsuaian dengan sepenuhnya)

.....

Bahawa resolusi mesyuarat pemiutang seperti berikut:

No.	Resolusi	Keputusan

Bertarikhhari bulan.....20.....

.....
 Pengerusi

(Meterai mahkamah)

.....
 Pendaftar

BORANG 13

(Tajuk am)

NOTIS UNTUK MENGGANTIKAN PENAMA (k. 19)

Kepada Pendaftar;

Ambil perhatian bahawa.....(nama penama pengganti), nombor kad pengenalan....., telah dilantik untuk menggantikan(nama penama dahulu) nombor kad pengenalan..... untuk bertindak sebagai penama kepada penghutang dalam perkiraan sukarelanya.

Alamat pemyampaian bagi penama pengganti adalah.....

Bertarikh hari bulan, 20.....

.....
(Nama penama pengganti dan tandatangan)

Kepada;

Penama dahulu (Nama dan alamat)

.....

Pemiutang (Nama dan alamat)

1.
2.
3.

BORANG 14

(Tajuk am)

PERMOHONAN EX PARTE OLEH PENAMA UNTUK ARAHAN MAHKAMAH (k. 20)

Saya berhasrat untuk membuat permohonan untuk arahan kepada mahkamah (nyatakan butiran perkara).

Dibuat 3 Oktober 2017

[MdI/156/008/AM/2/15 ; PN(PU2)180/III]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

INSOLVENCY ACT 1967

INSOLVENCY (VOLUNTARY ARRANGEMENT) RULES 2017

IN exercise of the powers conferred by sections 2C, 2F, 2G, 2I, 2Q and 123 of the Insolvency Act 1967 [*Act 360*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Insolvency (Voluntary Arrangement) Rules 2017**.

(2) These Rules come into operation on 6 October 2017.

Title of proceeding

2. Every proceeding in court under these Rules shall with necessary additions be intituled as in Form 1.

Application for registered nominee

